Majalah AADK

www.adk.gov.my
Majalah AADK • Bil. 1 / 2012

Agensi Antidadah Kebangsaan • *National Anti-Drugs Agency*

2013 Tahun Kesukarelawan Negara

Lautan Merah Sambut TPM

Semangat Membara SKUAD 1Malaysia

We 1 PEACE

SKUAD 1Malaysia wakili Malaysia ke OSAKA

We Care We Serve

Kandungan

01 • Dari Meja Editor

02 • 2013 Tahun Kesukarelaan Negara

03 • Semangat Membara SKUAD 1MALAYSIA

04 • Lautan Merah Sambut TPM

05 • "We 1Peace!"

06 • SKUAD 1Malaysia, Sukarelawan Prihatin

07 • KDN Cadang SKUAD 1MALAYSIA Terima Elaun

08 • Kenapa SKUAD 1Malaysia

09 • SKUAD 1Malaysia wakili Malaysia ke Osaka

10 • Pesona Wanita Anggun

11 • Walkabout Dato' Lee di Maluri Cheras

12 • Hadiah Yang Ditunggu Hampir 16 Tahun

13 • myAADK Lakar Sejarah

14 • Perkembangan Transformasi Program Di CCRC Amat Membanggakan

15 • Paradigma Baru Dalam Rawatan Dan Pemulihan Penagihan Dadah

16 • CHILL & CHEER @ LORONG

17 • Mesra D' San Peng

18 • Dari Vancouver Ke Sungai Besi

19 • "Ceria" Di Sungai Besi

20 • Lawatan Ke Mini C&C 1 Malaysia Miri

21 • Raja Lawak AADK 2012

22 • Pertarungan Bermula

23 • We 'r' 1Family

24 • Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan

SIDANG REDAKSI

Penaung
- YBhg. Puan Sri Dato' Zuraidah binti Hj. Mohamed

Penasihat
- Tn. Hj. Suhaimi bin Abdullah

Ketua Editor
- En. Mohd Amir Khusairi bin Harun

Editor
- En. Mohd Saad bin Md Ani

Setiausaha Kerja
- Unit Media & Komunikasi Korporat

Penulis Jemputan
- Nazira bt Sadiron, AADK Ibu Pejabat
- Mohd Nur Najmi bin Nuji, AADK WPKL
- Zainorhilwa binti Ahmad Damawi, AADK Daerah Kampar
- Mazlan bin Jikran, Mini C&C 1Malaysia Miri
- Mohd Firdaus bin Mohd Zain

Rekabentuk Teknikal
- Unit Media & Komunikasi Korporat

Cetakan
- Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)

Dari Meja EDITOR

Salam 1Malaysia,

Terlebih dahulu saya ingin memanjangkan rasa syukur kehadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, siri Majalah AADK Bil.1/ 2012 dapat diterbitkan. Terima kasih saya ingin rakamkan kepada tenaga kerja penerbitan majalah ini di samping beberapa orang penulis jemputan untuk siri kali ini. Tanpa usaha daripada mereka, penerbitan majalah AADK Bil.1/ 2012 tidak akan berjaya direalisasikan.

Masa bergerak begitu pantas, secara sedar atau tidak kita telah melangkah separuh tahun kedua 2012. Sepanjang enam (6) bulan melaluinya, AADK telah melakar pelbagai sejarah baharu untuk dikongsikan bersama dengan generasi akan datang. Bermula dengan sambutan Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan 2012 (HADK) sehingga Sambutan Peringatan Hari Antidadah Antarabangsa 2012 (HADA), AADK dilihat telah melangkah ke era baharu apabila berjaya menarik penyertaan masyarakat melalui sukarelawan antidadah SKUAD 1Malaysia dalam usaha membantu AADK membasmi masalah dadah dalam negara. Ini terbukti apabila sehingga Mac yang lalu AADK telah menerima keahlian sejumlah 252,128 orang ahli SKUAD 1Malaysia sejak ia dirasmikan pada 4 Julai tahun tahun lalu.

Apa yang amat dibanggakan, penyertaan SKUAD 1Malaysia ini turut berjaya menarik minat golongan muda yang terdiri daripada remaja dan belia. Untuk rekod seramai 85,876 orang ahli baharu yang terdiri daripada remaja dan belia berumur 18-25 tahun telah berdaftar sebagai ahli SKUAD 1Malaysia.

Berdasarkan jumlah yang saya berikan tadi, secara jujur dan ikhlas saya ingin menyatakan bahawa sukarelawan SKUAD 1Malaysia adalah pejuang sebenar dalam usaha membasmi masalah musuh nombor satu negara. Ini kerana SKUAD 1Malaysia adalah sukarelawan yang menabur bakti kepada negara tanpa menunggu ehsan wang peruntukkan atau elaun daripada kerajaan dalam menggerakkan aktiviti atau program pencegahan mahupun rawatan dan pemulihan dadah.

Semangat yang ditunjukkan ini amat membanggakan dan saya berharap momentum penyertaan masyarakat dalam SKUAD 1Malaysia akan semakin meningkat dan menjadi satu contoh terbaik kepada sukarelawan lain yang terdapat di dalam negara ini. “SKUAD 1Malaysia Sukarelawan Prihatin”

Sekian,
Mohd. Amir Khusairi Bin Harun

2013 Tahun Kesukarelaan Negara

Hampir 50,000 ribu sukarelawan yang terdiri daripada golongan muda dan belia telah berhimpun pada perasmian 1Malaysia For Youth (iM4U) oleh YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia di Esplanade KLCC pada 15 Julai 2012. Tidak melepaskan peluang berkenaan, seramai 2000 "Gelombang Merah" ahli sukarelawan antidadah SKUAD 1Malaysia turut bersama-sama YAB Perdana Menteri Malaysia dalam acara perasmian tersebut. Terdahulu sebelum acara utama berlangsung, ahli SKUAD 1Malaysia dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) turut mengisi slot pada sesi pagi dengan mengadakan pelbagai aktiviti bagi Program Crime and Drugs Free Zone kepada pengunjung yang berada di sekitar kawasan berkenaan. Antara pengisian program berkenaan ialah kempen antidadah, persembahan busking, stomper, tarian moden dan banyak lagi. Pada ucapan perasmian beliau, YAB Perdana Menteri juga telah mengumumkan kerajaan akan menyediakan peruntukan berbentuk geran berjumlah sebanyak RM100 juta dibawah Dana Sukarelawan 1Malaysia (DRe1M) bagi menjayakan gerakkan kesukarelaan dinaungi belia secara lebih proaktif dan berguna pada masyarakat. Dalam masa yang sama YAB Perdana Menteri juga turut mengumumkan penubuhan stesen radio iM4U yang bertindak sebagai medium bagi golongan belia mengetengahkan bakat mereka. Bukan itu sahaja pada ucapan perasmian tersebut beliau turut mengumumkan tahun 2013 adalah merupakan tahun kesukarelaan negara. Ketika menyampaikan ucapan, YAB Perdana Menteri turut menyatakan rasa teruja beliau dengan semangat yang ditunjukkan oleh sukarelawan Skuad Muda KDN yang terdiri daripada ahli SKUAD 1Malaysia dengan membawa sepanduk dan melaungkan kata-kata We Want Peace bagi menunjukkan semangat cintakan negara dan keamanan."Saya bangga belia cintakan keamanan, tidak mahu perbalahan dan mahu negara makmur serta maju", ujar beliau lagi.

Semangat Membara SKUAD 1MALAYSIA

Kementerian Dalam Negeri (KDN) menubuhkan Skuad Muda KDN bagi menyemai semangat kesukarelaan di kalangan remaja dan belia, terutamanya mereka yang belum menyertai mana-mana pertubuhan. Ia merupakan pasukan sukarelawan muda berusia antara 18 hingga 25 tahun yang ditawarkan ruang dan peluang untuk melakukan kegiatan kesukarelaan dalam menerapkan rasa cinta kepada negara.

Bertepatan dengan hasrat berkenaan, pada 26 Mei 2012 KDN telah mengumpulkan sukarelawan di bawah Skuad Muda KDN yang terdiri daripada RELA, JPAM, SKUAD 1Malaysia dan lain-lain lagi pada Himpunan Jutaan Belia di Putrajaya. Laungan 'We Want Peace' daripada sukarelawan telah menggegarkan segmen KDN ketika kehadiran YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri di tapak segmen KDN pada sesi sebelah pagi.

Sejurus ketibaan beliau, acara dimulakan dengan aktiviti Senam Seni 1Malaysia yang dibawa khas oleh Jabatan Penjara Malaysia dan persembahan Shuffle, Basking dan Flash Mob daripada SKUAD 1Malaysia. Semangat membara yang ditunjukkan anggota sukarelawan ketika program ini diadakan membuktikan bahawa gerakan kesukarelaan di negara ini masih relevan dan mampu menjadi aset penting kepada pembangunan dan keamanan negara.

Kemeriahan program Skuad Muda KDN berada dikemuncak apabila YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia, telah berkesudian meluangkan masa merasmikan Skuad Muda KDN pada sesi petang berkenaan. Sejurus ucapan beliau, para sukarelawan sekali lagi menggegarkan bumi Putrajaya dengan laungan sokongan padu kepada kerajaan dalam membantu mengekalkan keamanan dan kestabilan negara.

Lautan Merah Sambut TPM

Walaupun hujan turun membasahi bumi FELDA Ulu Belitong, namun ia tidak sedikit pun melunturkan semangat ahli SKUAD 1Malaysia untuk terus menunggu bagi menyambut ketibaan YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Hj Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia ke Majlis Mesra Pemimpin Bersama Rakyat yang diadakan pada 14 Julai yang lalu. Ketibaan YAB Timbalan Perdana Menteri diiringi YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri telah diberi sambutan meriah oleh para hadiri termasuk 500 ahli SKUAD 1Malaysia.

Ahli-ahli SKUAD 1Malaysia yang hadir turut tidak melepaskan peluang untuk bersalam dan bermesra dengan YAB Timbalan Perdana Menteri serta YB Menteri Dalam Negeri. Selain mendengar amanat daripada YAB Timbalan Perdana Menteri dan YB Menteri Dalam Negeri pada majlis tersebut juga, ahli-ahli SKUAD 1Malaysia yang hadir turut berpeluang mengenali dengan lebih dekat jabatan dan agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri melalui gerai pameran yang disediakan.

"We 1Peace!"

Laungan "We want peace!" bergema menggegarkan Dewan A, Kompleks MAEPS Serdang semasa menyambut ketibaan YB. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri di Program Himpunan Skuad Muda KDN pada 10 Jun yang lalu. Program kali ini telah berjaya mengumpulkan lebih 15,000 ahli Skuad Muda KDN yang terdiri daripada sukarelawan jabatan dan agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Dalam ucapan amanat, YB Dato' Seri Hishammuddin menyeru agar seluruh sukarelawan bersatu hati dalam semangat 1KDN bagi memastikan keamanan yang dikecapi berpanjangan. Beliau turut mengingatkan sukarelawan agar tidak terlibat dengan aktiviti yang boleh mencemarkan imej negara. Dalam pada itu pada ucapan tersebut beliau turut memuji AADK yang disifatkan begitu semangat, kreatif dan cukup luar biasa dalam menggerakkan sukarelawan SKUAD 1Malaysia.

Sempena program tersebut juga, ahli-ahli SKUAD 1Malaysia turut berkesempatan membuat pertunjukkan busking, shuffle, persembahan tarian api serta flash mob. Selain itu, AADK turut turut tidak ketinggalan mengadakan aktiviti "Sasarkan Gol" dan LIKE facebook SKUAD 1Malaysia kepada pengunjung yang hadir.

SKUAD 1Malaysia, Sukarelawan Prihatin

"SKUAD 1Malaysia bukan hanya berperanan untuk memberi kesedaran dalam masyarakat mengenai bahaya dadah malah sebagai agen penggerak masyarakat untuk turut sama menangani masalah dadah melalui aktiviti home visit, program bersemuka, temu seru (outreach), khidmat nasihat selain aktiviti sukan dan rekreasi." ucap YB. Dato' Seri Hishammudin bin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri ketika beliau merasmikan Sambutan Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan 2012 di Padang Awam, Taman Sri Lambak, Kluang Johor baru-baru ini.

Pada tahun ini tema "SKUAD 1Malaysia, Sukarelawan Prihatin" telah dipilih bagi Sambutan Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan 2012 dalam usaha mengerakkan masyarakat bagi membantu AADK menangani masalah penagihan dadah di Malaysia. Pada majlis tersebut juga YB. Dato' Seri Hishammudin juga turut berkesudiaan melancarkan kad keahlian SKUAD 1Malaysia dan menyerahkan kad-kad tersebut kepada wakil penerima di kawasan Sembrong.

Di samping itu majlis tersebut juga turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti diadakan kepada pengunjung yang hadir seperti pendaftaran ahli SKUAD 1Malaysia, pertandingan Futsal, gubahan bunga, memasak dan mewarna. Bukan itu saja pengunjung juga turut berpeluang menyertai sukan paint ball selain berhibur dengan persembahan koir AADK, nyanyian daripada The CNC band daripada Klinik Cure & Care 1Malaysia Sungai Besi, peserta finalis AADK Idol serta artis jemputan seperti Cindy dan Aishah. Perasmian majlis tersebut diakhiri dengan lawatan tapak pameran dan sidang media.

KDN Cadang SKUAD 1MALAYSIA Terima Elaun

Bertemakan "Sukarelawan Prihatin", majlis pelancaran Sambutan Peringatan Hari Antidadah Antarabangsa tahun 2012 telah disambut pada 24 Jun lalu di Lanai MaTIC Jalan Ampang Kuala Lumpur. Majlis sambutan tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Abdul Rahim Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN). Turut hadir bersama bagi memeriahkan majlis tersebut ialah YBhg. Puan Sri Dato' Zuraidah Haji Mohamed, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) serta Pengurusan Tertinggi KDN dan AADK di samping 5000 orang orang ahli sukarelawan SKUAD 1Malaysia daripada seluruh negara

Tema "Sukarelawan Prihatin" adalah merupakan kesinambungan daripada Sambutan Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan yang telah diadakan pada bulan Februari lalu di Sembrong, Johor. Tema ini juga adalah selari dengan tema yang ditetapkan oleh United Nation Office on Drugs and Crime (UNODC) iaitu "Global Action for Healthy Communities without Drugs" yang bertujuan untuk menyeru seluruh rakyat bangkit bersama-sama melahirkan komuniti yang sihat melalui gerakan kesukarelaan antidadah. Selain itu, tema Sukarelawan Prihatin ini juga dipilih bagi menghargai usaha dan sumbangan para sukarelawan antidadah yang banyak membantu kerajaan dalam melaksanakan program pencegahan dan rawatan dan pemulihan dadah.

Untuk rekod sehingga Mac 2012 seramai 252,128 orang telah menganggotai sukarelawan SKUAD 1Malaysia dan daripada jumlah tersebut seramai 85,876 orang ahli adalah terdiri daripada golongan muda yang terdiri daripada remaja dan belia dari pelbagai lapisan kaum di Malaysia yang berumur antara 18 hingga 25 tahun.

Bagi memeriahkan lagi suasana pada sambutan tersebut pelbagai aktiviti telah dirangka diantaranya ialah senamseni daripada Jabatan Penjara Malaysia, pertandingan War Cry, persembahan gendang cina, persembahan nyanyian daripada band indie SOG dan Classmates, Flashmob sebagai gimik perasmian serta cabutan bertuah.

Pada ucapan perasmian berkenaan, YBhg. Dato' Abdul Rahim telah mencadangkan agar sukarelawan SKUAD 1Malaysia diberikan elaun sepertimana yang diterima oleh sukarelawan RELA dan JPAM. Berita gembira tersebut dilihat sebagai tuah kepada semua ahli sukarelawan SKUAD 1Malaysia. Ini kerana melihat daripada peranan yang bakal dipertanggungjawabkan, ahli SKUAD 1Malaysia turut memegang amanah yang berat bagi bersama-sama AADK memastikan negara bebas dari ancaman dadah.

Kenapa SKUAD 1Malaysia

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) juga telah meneroka gelombang kesukarelaan dengan menubuhkan sukarelawan antidadah iaitu SKUAD 1Malaysia yang merupakan gabungan enam (6) entiti sukarelawan yang bergerak di dalam komuniti bagi membantu inisiatif-inisiatif pencegahan, rawatan dan pemulihan dadah. SKUAD 1Malaysia yang dilancarkan oleh YB Menteri Dalam Negeri pada 4 Julai 2011 terdiri daripada Rakan Antidadah (RADA), Masyarakat Wanita Antidadah (MAWADAH), Jawatankuasa Pemulihan Dadah (JKPD), Persatuan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS), Ahli Lembaga Pelawat dan Persatuan Alumni AADK (PENDAMAI). Sejak pelancarannya, keanggotaan ahli SKUAD 1Malaysia adalah seramai 252, 128 orang dan 85, 876 orang adalah golongan remaja dan belia berumur 18 hingga 25 tahun. Memetik perutusan YAB Perdana Menteri sempena sambutan peringatan Hari Antidadah Antarabangsa 2012, SKUAD 1malaysia menggambarkan betapa rakyat negara ini amat prihatin terhadap isu penyalahgunaan dadah dan sentiasa mendukung usaha kerajaan dalam mencegah dan merawat pulih individu yang mempunyai masalah penagihan dadah.

Bernaung di bawah Kementerian Dalam Negeri yang merupakan perintis gelombang kesukarelaan di negara ini, SKUAD 1Malaysia kini bergerak seiring dengan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan sukarelawan Pertahanan Awam (JPAM). Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa ahli SKUAD 1Malaysia turut berperanan dalam memastikan Key Performance Index (KPI)Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang pertama iaitu kadar jenayah jalanan telah berjaya dikurangkan sebanyak 20% pada tahun lalu. Sebagai sukarelawan antidadah, SKUAD 1Malaysia aktif melaksanakan program dan aktiviti pencegahan, rawatan dan pemulihan di dalam komuniti mereka dan sehingga Jun 2012 sebanyak 445 program dan aktiviti telah dilaksanakan yang melibatkan penyertaan masyarakat seramai 60, 882 orang. Senario ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia prihatin dengan masalah dadah yang melanda negara ini.

Mengambil contoh di kawasan Sembrong (yang telah dipilih sebagai perintis untuk pelaksanaan program SKUAD 1Malaysia), ahli SKUAD Parlimen Sembrong seramai 1,050 orang yang aktif melaksanakan sebanyak 192 program bagi tempoh Januari–Julai 2012 di kawasan-kawasan yang dikenalpasti berisiko. Begitu juga di daerah Dang Wangi, Kuala Lumpur yang mempunyai seramai 2,793 orang ahli dan aktif melaksanakan program dan hasilnya statistik penagih baru yang dikesan di daerah ini (Jan–Jun 2011) telah menunjukkan penurunan dari 19 orang kepada 13 orang penagih baru.

SKUAD 1Malaysia semakin dikenali melalui pelancaran Skuad Muda KDN, Himpunan Jutaan Belia dan yang terbaru iM4U. SKUAD 1Malaysia telah menunjukkan identiti tersendiri sukarelawan antidadah yang ceria dan aktif melalui penglibatan dalam aktiviti busking, tarian street dance dan flash mob pada hari tersebut.

Penglibatan ahli SKUAD 1Malaysia dalam program-program di peringkat nasional tersebut telah memberi peluang kepada mereka untuk lebih memahami peranan dan fungsi mereka sebagai sukarelawan antidadah. Dalam usaha mempromosikan SKUAD 1Malaysia dan menyedari media baru adalah medium terbaik bagi tujuan tersebut, AADK telah melancarkan Facebook SKUAD 1Malaysia bagi memudahkan komunikasi antara ahli SKUAD 1Malaysia serta warga AADK. Sehingga 1 Ogos 2012, jumlah "like" telah mencapai 7,371 sejak dilancarkan pada 22 Jun lalu. Bagi memudahkan proses pendaftaran keahlian, AADK juga akan melancarkan SKUAD 1Malaysia online di mana pengkalan data ini akan turut digunakan untuk menyimpan rekod pelaksanaan program SKUAD serta pengumuman aktiviti atau program yang akan dilaksanakan.

Sewajarnya ahli SKUAD 1Malaysia diberi pujian berdasarkan komitmen yang telah dibuktikan oleh mereka kerana memberikan khidmat masyarakat tanpa imbuhan wang ringgit. Memetik kata seorang ahli SKUAD 1Malaysia dari negeri Johor "Kami sukarelawan, bukan sukarelaWANG!". Semoga kesedaran yang telah disemai dalam jiwa ahli SKUAD 1Malaysia ini yang mahukan negara ini bebas dari belenggu dadah akan terus cekal membantu usaha-usaha menolong mereka yang terlibat dalam penagihan dadah sekaligus membantu menyampaikan mesej antidadah ke serata negara.

SKUAD 1Malaysia wakili Malaysia ke Osaka

Bersempena Kongres Belia Asian ke-9 anjuran Colombo Plan Drug Advisory Programme (CPDAP) dan Bureau for International Narcotics and Law Enforcement Affairs, US Department of State, dua orang ahli sukarelawan SKUAD 1Malaysia telah terpilih mewakili negara ke kongres tersebut. Turut sama mengiringi kedua-dua peserta tersebut seorang pegawai dari Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Kementerian Dalam Negeri.

Selain dua orang perwakilan negara, seramai 58 orang peserta daripada 22 buah negara lain turut menyertai kongres tersebut bagi berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai best practices pendidikan pencegahan penyalahgunaan dadah berdasarkan tema Stay Smart, for a Drug-Free Asia.

Antara objektif utama kongres ini dilaksanakan adalah bagi membina dan mengekalkan jaringan kerjasama antara negara-negara Asia berkenaan pendidikan pencegahan penyalahgunaan dadah serta perkongsian idea yang berkesan.

Sepanjang 3 hari kongres dijalankan, para peserta dibahagikan kepada 3 kumpulan mengikut topik yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur iaitu Maximizing Media to Support Your Project, Social Entrepreneurship: How to make Your Project Sustainable dan Create Successful Project: Planning, Monitoring and Evaluation. Topik-topik tersebut dibincangkan agar dapat membantu para peserta dalam menghasilkan kertas kerja dan pelaksanaannya kelak di negara masing-masing.

Melalui penganjuran kongres tersebut para peserta telah diberikan pengalaman yang baru dalam program-program pendidikan pencegahan dadah serta didedahkan dengan aktiviti energizer yang begitu menarik dan mampu melonjakkan semangat kesepakatan di antara para peserta walaupun dari pelbagai negara dan sosio budaya.

Bukan itu sahaja, melalui penglibatan ahli sukarelawan seperti SKUAD 1Malaysia di dalam persidangan atau program anjuran antarabangsa, ia dilihat dapat memberikan dorongan dan semangat kepada mereka terutamanya golongan remaja dan belia untuk bergiat dengan lebih aktif dalam aktiviti-aktiviti kesukarelaan yang berguna kepada masyarakat.

Sukarelawan Skuad 1Malaysia Mewakili Negara Ke 9th AYC, Osaka

BERNAMA
20 JULAI 2012
Sukarelawan Skuad 1Malaysia Sertai Kongres Belia Asia Di Osaka

Sinar
Skuad 1Malaysia ke Kongres Belia Asian di Osaka

Pesona Wanita Anggun

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Kampar dengan kerjasama pihak Vida Beauty Sdn. Bhd. telah melancarkan Program Pencegahan SKUAD 1Malaysia dengan mengadakan Bengkel Penampilan dan Ketrampilan diri: Pesona Wanita Anggun SKUAD 1Malaysia pada 2 Mac yang lalu. Program tersebut telah dirasmikan oleh YB. Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri merangkap Ahli Parlimen Kampar, Perak.

Bengkel yang disertai oleh ahli MAWADAH sekitar Kampar itu dimulakan dengan taklimat Peranan dan Fungsi SKUAD 1Malaysia yang disampaikan oleh Encik Azman bin Hashim, Ketua Pegawai AADK Daerah Kinta. Sesi kedua diteruskan dengan taklimat kepentingan menjaga kesihatan diri yang disampaikan sendiri oleh pengasas Vida Beauty, Puan Vida. Kemudian bengkel berehat seketika bagi memberi laluan aturcara perasmian oleh YB. Dato' Lee Chee Leong yang tiba pada jam 11.45 pagi. Pada ucapan beliau, YB. Dato' Lee Chee Leong amat teruja dan berbesar hati dengan penglibatan badan swasta dan NGO dalam menjayakan program ini.

Bengkel sehari ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh ahli MAWADAH dengan demonstrasi solekan oleh tenaga pengajar dan kerana sambutan yang mengalakkan, bengkel tersebut terpaksa dilanjutkan sehingga 6.30 petang. Dikesempatan itu peserta didedahkan dengan perkhidmatan-perkhidmatan terkini yang ditawarkan AADK dan memaklumkan CCSC Kampar yang akan beroperasi sepenuhnya pada bulan Mac ini. Para peserta bengkel memberikan pandangan agar program sebegini diteruskan terutama kepada ahli MAWADAH bagi memenuhi masa yang terluang dan sebagai pendapatan sampingan.

Walkabout Dato' Lee di Maluri Cheras

"Kepulihan mereka adalah tanggungjawab bersama," itu antara kata-kata yang diungkapkan oleh YB. Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri semasa merasmikan program Walkabout Bersama Komuniti Taman Maluri Sempena Sambutan Tahun Baru Cina 2012 pada 11 Februari yang lalu. Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Puan Sri Dato' Zuraidah binti Haji. Mohamed, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan(AADK) serta pemimpin masyarakat setempat di sekitar Taman Maluri.

Setiba di Jalan Jejaka 7 Taman Maluri, YB. Dato' Lee Chee Leong serta tetamu kehormat telah mengadakan walkabout serta beramah mesra dengan penduduk di kawasan terbabit sambil diiringi tarian naga dan singa serta gendang cina sebelum bergerak ke khemah utama bagi acara yang seterusnya.

En. Lui Che Yen selaku Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Maluri telah menyampaikan ucapan alu-aluan dengan melahirkan ucapan terima kasih kepada YB. Timbalan Menteri Dalam Negeri atas kesudian hadir bagi merasmikan majlis tersebut. Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada AADK kerana telah memilih Taman Maluri sebagai lokasi terbaru Cure and Care Service Centre (CCSC).

Acara kemuncak pada malam tersebut adalah ucapan perasmian daripada YB. Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Dalam Negeri. Pada ucapan tersebut YB. Timbalan Menteri Dalam Negeri amat teruja dengan sambutan daripada penduduk sekitar Jalan Jejaka 7 serta Taman Maluri. Beliau berharap agar kerjasama erat antara AADK dengan masyarakat dapat dipertingkatkan lagi pada masa hadapan demi membebaskan Malaysia dari ancaman dadah.

Kemeriahan acara pada malam tersebut diteruskan dengan sesi penyampaian ang pau yang disampaikan oleh tetamu kehormat. Para hadirin turut dihiburkan dengan persembahan kebudayaan yang bertemakan 1Malaysia sepanjang berlangsungnya majlis tersebut.

Hadiah Yang Ditunggu Hampir 16 Tahun

"Saya merasakan ianya adalah 'hadiah' yang ditunggu-tunggu oleh semua pegawai AADK. Ini kerana saya dimaklumkan bahawa AADK telah memperjuangkan permohonan elaun tersebut selama hampir 16 tahun." Berikut adalah ucapan perasmian YB. Datuk Wira Abu Seman bin Yusop Timbalan Menteri Dalam Negeri sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2011 yang telah berlangsung di Dewan Auditorium D8, Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 20 Mac yang lalu.

Dimaklumkan sepanjang tahun 2011 AADK telah memperkasakan program-program rawatan dan pemulihan dadah melalui Klinik Cure & Care 1Malaysia, Cure and Care Service Centre (CCSC) dan Caring Community House (CCH) dengan pendekatan yang lebih holistik. Sejak ia diperkenalkan AADK telah banyak menerima pengiktirafan daripada pihak antarabangsa seperti United Nation Office On Drugs and Crime (UNODC) dan pujian daripada deligasi antarabangsa ketika Persidangan Persekutuan Antarabangsa Pertubuhan Bukan Kerajaan (IFNGO). Atas komitmen yang ditunjukkan kerajaan telah meluluskan elaun insentif khas bagi 2576 orang kakitangan yang bertugas di pusat pemulihan di bawah AADK.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang AADK ini dilaksanakan bagi menghargai jasa dan komitmen yang telah diberikan oleh pegawai AADK sepanjang tahun 2011. Seramai 483 orang warga kerja AADK seluruh Malaysia telah dipilih selaku penerima anugerah tersebut.

Majlis penyampaian anugerah tersebut diakhiri dengan sidang media oleh YB. Datuk Wira Abu Seman bin Yusop bersama media tempatan yang hadir pada majlis tersebut. Semoga pengiktirafan dan anugerah yang diterima dapat menjadi perangsang bagi meningkatkan lagi usaha dan daya saing warga AADK di masa hadapan.

myAADK Lakar Sejarah

Bertempat di Kementerian Dalam Negeri, satu lagi sejarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah tercipta apabila Majlis Menandatangani Piagam Projek myAADK bersama pihak MAMPU, Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 8 Februari 2012.

Pewujudan myAADK merupakan konsep anjakan paradigma ICT AADK dalam menyokong sepenuhnya aspirasi transformasi agensi yang meliputi Klinik Cure & Care 1Malaysia, Cure and Care Service Centre, Caring Community House, Cure and Care Rehabilitation Centre, Cure and Care Vocational Centre serta lain-lain inisiatif AADK.

Sistem ini dibangunkan secara inhouse dengan kerjasama MAMPU dalam masa satu tahun. Ia menggunakan perisian *open source* di samping menggunapakai infrastruktur rangkaian sedia ada. Bagi melancarkan pelaksanaan projek berkenaan, AADK turut mendapatkan khidmat perunding MAMPU bagi menjalankan aktiviti kajian prestasi rangkaian dan *security posture assessment* bagi memantapkan rangkaian dan tahap keselamatan rangkaian AADK.

Perkembangan Transformasi Program Di CCRC Amat Membanggakan

"Perkembangan transformasi program di CCRC Bachok adalah amat membanggakan kerana dalam jangka masa yang singkat bermula pada bulan Ogos 2011, pelaksanaan transformasi program rawatan berteraskan konsep mesra, santai dan mudah dilaksanakan telah berjaya direalisasikan", ucap Puan Suhaini binti Ismail, Ketua Penolong Pengarah (Institusi), Bahagian Rawatan, Perubatan dan Pemulihan AADK ketika beliau membacakan teks ucapan YBhg. Puan Sri Dato' Zuraidah Haji Mohamed Ketua Pengarah AADK sempena Majlis Pelancaran Pembebasan Klien Transformasi Program Cure and Care Rehab Centre (CCRC) Bachok pada 28 Mac yang lalu.

Berlandaskan tagline 'Kepulihan Anda Bermula Disini' dan penagihan dianggap sebagai satu penyakit. Anjakan berganda telah dilaksanakan bagi memastikan program pemulihan penghuni CCRC lebih bersifat humanistik, mesra dan memenuhi keperluan kepulihan penghuni.

Perubahan nyata yang dilaksanakan menerusi transformasi program mengunakan Model CCRC adalah melibatkan perkara-perkara seperti tempoh rawatan yang singkat tetapi berkesan (6 bulan hingga 12 bulan), pemakaian baju yang meningkatkan imej dan ketrampilan penghuni, suasana CCRC yang teraputik dan mesra, penyediaan program pemulihan berdasarkan tahap keparahan dan kebergantungan terhadap dadah / substans yang diberikan oleh pegawai pakar dan terlatih.

Sebelum diperkenalkan dengan konsep terbaharu ini, setiap klien yang menjalani program pemulihan perlu menghabiskan masa antara 13 hingga 24 bulan tanpa mengambil kira keperluan kepulihan klien dan prestasi yang ditunjukkan oleh mereka. Menerusi pelaksanaan program transformasi ini, pembebasan awal (kurang 12 bulan) mengambilkira kriteria-kriteria penilaian seperti Tahap Perubahan Motivasi menggunakan URICA; (sekurang-kurangya di peringkat Action/ Bertindak), komitmen kehadiran di dalam program psikososial seperti Early Recovery, Relapse Prevention, Sokongan Sosial, Agama & Spiritual dan Sukan Riadah, sokongan daripada keluarga dan orang terdekat yang boleh membantu kepulihan diluar, tahap disiplin dan sumbangan yang diberikan kepada CCRC.

Untuk rekod selain melibatkan pembebasan awal seramai 19 orang daripada kumpulan pertama klien CCRC berkenaan, terdapat 3 buah lagi CCRC yang terlibat dalam pilot project tersebut iaitu CCRC Jeli, CCRC Bukit Chabang dan CCRC Karangan yang akan membebaskan penghuni bagi penyingkatan tempoh dalam jangka waktu terdekat. Sehingga kini, jumlah keseluruhan klien yang layak diberi penyingkatan tempoh di CCRC berkenaan adalah seramai 92 orang.

Majlis pada hari tersebut turut dimeriahkan dengan pelancaran Klinik Cure & Care 1Malaysia Wanita yang pertama dan Asrama TransCC khusus untuk semua klien wanita yang mempunyai permasalahan berkaitan dadah untuk datang secara sukarela dan terbuka serta tidak melibatkan implikasi perundangan.

Paradigma Baru Dalam Rawatan Dan Pemulihan Penagihan Dadah

Seramai 10 orang telah terpilih bagi mengikuti Bengkel Basic Certificate Introduction To Clinical Hypnosis For Counsellors Module 1 - Module 3 yang telah diadakan di Klinik Cure & Care 1Malaysia Sungai Besi bermula pada 19-23 Disember 2011, 5-9 Mac 2012 dan 21-25 Mac 2012.

Pelaksanaan bengkel ini melibatkan pegawai dan kakitangan dari 6 buah Klinik Cure & Care 1Malaysia iaitu Klinik Cure & Care 1Malaysia Sungai Besi, Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampoi, Klinik Cure & Care 1Malaysia Papar, Klinik Cure & Care 1Malaysia Kuching, Klinik Cure & Care 1Malaysia Kota Bharu dan Klinik Cure & Care 1Malaysia Tampin.

Hypnotherapy boleh membantu :

- Membantu mengurangkan masalah drop out di Klinik Cure & Care 1Malaysia
- Meningkatkan keyakinan diri klien untuk menamatkan program;
- Kaedah alternatif baru

PEGAWAI DILATIH DENGAN TEKNIK BARU & BERKESAN

Tujuan bengkel ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk memberi penerangan secara terperinci mengenai kaedah rawatan secara hypnosis di dalam merawat klien ke arah kepulihan iaitu dari aspek latihan, kemahiran, pengetahuan dan kefahaman pegawai dan kakitangan Klinik Cure & Care 1Malaysia. Bengkel ini dikendalikan oleh London College of Clinical Hypnosis, Petaling Jaya.

PENDEKATAN ALTERNATIF MEMBANTU MENINGKATKAN KUALITI PERKHDIMATAN DITAWARKAN

Kursus ini dikendalikan oleh tenaga pengajar profesional dan terlatih iaitu Dr. Alan Soh@Abdul Hanan, Dr. Gayathri, Dr. Zuraidah Abdul Rahman, Y.M Tengku Norhayati Tunku Abdul Rahman dan Sheila Menon selaku Pengetua LCCH telah memberikan pengetahuan baru dan berguna kepada para peserta.

Antara kandungan modul yang diajar seperti Structure Of Hypnotherapy Session, Awakening Notes, Induction/ Deepener, Hyonosis & Substance Use, Techniques Of Hypnosis, Ego Streghtening & Self esteem, Pseudo Orientation In Time, Role Play dan praktikal.

Semua peserta teruja dengan pendedahan dan pengetahuan serta kemahiran yang dipelajari sangat relevan untuk digunakan untuk membantu kepulihan klien. Dengan adanya pendekatan baru ini diharapkan perkhidmatan di Klinik Cure & Care 1Malaysia dapat dipelbagaikan dan memenuhi keperluan kepulihan klien.

APA KATA THERAPIST

Peserta menunjukkan komitmen yang baik dan mempunyai kemahiran menolong yang luar biasa. Saya yakin mereka mampu mengaplikasikan teknik Hypnotherapy ini dengan sangat baik! Tahniah kepada YBhg. Puan Sri Dato' Ketua Pengarah AADK kerana berani memperkenalkan pendekatan baru ini!

Puan Sheila Menon - Principal LCCH & Dr. Alan Soh -Clinical Hypnotherapist

CHILL & CHEER @ LORONG

Selepas "Jom Pekena Teh Tarik" dan "Santai D Chow Kit", program Chill and Cheer @ Lorong yang berlangsung pada 6 Mei 2012 merupakan kolaborasi terbaharu Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Yayasan Salam Malaysia. Program tersebut telah mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, PDRM, DBKL, JPAM,RELA dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Bertemakan "Seni Sebagai Terapi Pemulihan", program ini dianjurkan bertujuan membangunkan fizikal, emosi, komunikasi, interaksi sosial dan kemahiran belajar melalui pengalaman seni terapeutik kepada golongan yang terlibat dengan permasalahan dadah. Seni dijadikan salah satu alternatif bagi membantu kepulihan para klien di mana klien akan berasa selamat dan teruja untuk mengikuti kepulihan.

Terdahulu aturcara Chill & Cheer @ Lorong ini dimeriahkan seawal jam 8.30 pagi dengan program kendalian Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu Education For All (EFA) kepada lebih 400 orang kanak-kanak serta remaja di kawasan berkenaan. Selain itu terdapat pelbagai aktiviti turut disajikan kepada pengunjung dan masyarakat setempat seperti permainan Ezy Party, Table Board Games selain booth terapi dan pertunjukkan lukisan.

Kemeriahan program tersebut ditambah lagi pada sebelah malamnya dengan kehadiran artis-artis jemputan seperti Zazleen Zulkafli ,Aris Ariwatan, Band OAG, Awanband dan persembahan daripada Kuala Lumpur Street Drummers, Malaysian Ukelele Group serta tarian moden oleh Slash Shoot Dance Crew. Program yang dirasmikan oleh YBhg. Puan Sri Dato' Zuraidah binti Hj. Mohamed, Ketua Pengarah AADK turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Ahmad A.Talib selaku Ahli Pemegang Amanah Yayasan Salam Malaysia, En Abdul Rahman Hj Hamid Pengarah AADK WPKL dan YM Raja Azizan Suhaimi bin Raja Abd Latif Pengurus CCSC Chow Kit.

Acara malam tersebut diteruskan dengan sesi 5 Minit Bersama Prof Dr. Abd. Shukor Hashim, Pensyarah Fakulti Pendidikan Seni UiTM yang berkongsikan ilmu mengenai seni sebagai salah satu kaedah terapi pemulihan. Pada malam tersebut juga, CCSC Chow Kit telah memberikan penghargaan kepada 50 klien yang berani menyahut cabaran untuk kepulihan dadah serta meninggalkan aktiviti penagihan. Penghargaan berkenaan diberikan sebagai dorongan serta membuktikan bahawa masalah penagihan dadah boleh diatasi sekiranya kesedaran hadir dari diri sendiri.

Mesra D' San Peng

Bertempat di Dataran Flat Sri Selangor Jalan San Peng, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kerjasama PENGASIH Malaysia telah menganjurkan program Mesra D' San Peng sempena majlis pelancaran Sambutan Peringatan Hari Antiadadah Kebangsaan peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 31 Mac 2012. Program tersebut dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat setempat mengenai bahaya dadah terhadap kesihatan sekaligus membantu AADK dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah melalui SKUAD 1Malaysia. Program yang bermula seawal 2.00 petang itu telah dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti pameran, forum "Kenali Anak Kita', pertandingan futsal, karaoke, mewarna,gubahan bunga dan bermacam-macam lagi.

YB Datuk M.Saravanan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah meluangkan masa bagi menyempurnakan majlis perasmian program pada malam tersebut. Majlis tersebut turut dihadiri oleh En Suhaimi bin Abdullah Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) AADK, Datuk Yunus Pathi Presiden PENGASIH Malaysia, En Abdul Rahman bin Hj. Hamid Pengarah AADK WPKL, wakil daripada persatuan penduduk, serta jabatan-jabatan lain. Dalam gimik perasmian pada malam tersebut, YB Datuk M.Saravanan telah menandatangai plak yang disediakan seterusnya 10 orang wakil ahli SKUAD 1Malaysia telah melafazkan ikrar HADK dan menerima kad keahlian daripada YB Timbalan Menteri.

Penduduk San Peng dan para hadirin program tersebut begitu teruja dengan seni persembahan tarian daripada kumpulan Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) serta kumpulan Slash Shoot Dance Crew. Kehadiran artis jemputan seperti Zehra Zambri dan Aris Ariwatan pada malam tersebut telah menghangatkan lagi suasana dengan mendendangkan lagu-lagu popular. Selain itu penonton juga dihiburkan dengan persembahan nyanyian lagu-lagu bollywood daripada pegawai AADK serta persembahan *live band* Pengasih Music Group dan The C&C Band.

Diselang seli dengan persembahan, acara penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan yang telah diadakan selain cabutan bertuah kepada tetamu yang hadir sebagai penutup tirai program. Diharapkan dengan adanya kerjasama daripada semua pihak, kawasan yang disenarai hitamkan di Malaysia akan bertukar cerah dan ceria dengan hidup yang sihat tanpa dadah. Supaya dengan adanya platform sukarelawan seperti SKUAD 1Malaysia, kerajaan dapat menjayakan transformasi kearah menuju wawasan 2020.

Dari Vancouver Ke Sungai Besi

Klinik Cure & Care 1Malaysia telah banyak menerima pengiktirafan dan penghargaan daripada badan-badan NGO daripada seluruh dunia. Lawatan yang tidak putus-putus diterima oleh Klinik Cure & Care 1Malaysia menunjukkan transformasi Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah diterima baik di peringkat antarabangsa. Ini adalah hasil daripada pelbagai kaedah dan pendekatan terbaharu diperkenalkan oleh AADK melalui Klinik Cure & Care 1Malaysia bagi rawatan dan pemulihan dadah.

Pendekatan tersebut turut menarik minat beberapa orang pelajar PhD daripada University of British Columbia, Vancouver Canada melawat Klinik Cure & Care 1Malaysia. Lawatan tersebut juga turut dihadiri oleh En Zaki Arzmi dan En Ridzuan Kamaruddin daripada Majlis AIDS Malaysia (MAM). Lawatan tersebut bertujuan untuk menimba pengalaman dan meninjau perkembangan, perlaksanaan serta amalan-amalan terbaik program Pengurangan Kemudaratan bagi pengguna dadah suntikan di Malaysia. Deligasi lawatan tersebut disambut Pn Chang Yen Chow dan Pn Khairunnissa Ismail daripada Klinik Cure & Care 1Malaysia Sungai Besi.

"I hope other compulsory detention centres will transform like here", begitulah harapan yang diucapkan Cik Kanna Hayashi salah seorang daripada deligasi apabila melihat perkhidmatan yang ditawarkan. Diharapkan dengan kerjasama dan pengalaman daripada semua pihak, AADK akan terus menambahbaik perkhidmatan yang disediakan mengikut kehendak dan keperluan semasa.

"Ceria" Di Sungai Besi

Klinik Cure & Care 1Malaysia telah disifatkan oleh antarabangsa sebagai contoh terbaik bagi rawatan dan pemulihan dadah secara sukarela. Pernyataan tersebut turut disokong dengan bukti hasil kajian yang dijalankan oleh Centre of Excellence for Research in AIDS (CERiA) University Malaya mengenai Klinik Cure & Care 1Malaysia Sungai Besi. Keputusan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa sebanyak 94.4% klien menyatakan sangat berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan di Klinik Cure & Care 1Malaysia (Sungai Besi).

Berdasarkan kepada penemuan tersebut, ia telah menarik minat beberapa orang pakar daripada Yale University dan University of South Wales untuk melihat sendiri perlaksanaan program rawatan dan pemulihan di klinik berkenaan disini. Ketibaan deligasi lawatan tersebut disambut oleh En. Mohd Azizi bin Salleh dan Pn Khairunnissa Ismail daripada Klinik Cure & Care 1Malaysia Sungai Besi.

Deligasi lawatan yang diketuai oleh Pn. Noor Hayati binti Tunku Abdul Rahman daripada CERiA, University Malaya tertarik dengan pendekatan secara klinikal yang dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Selain itu para deligasi turut berminat untuk mengetahui perkembangan, perlaksanaan serta amalan-amalan terbaik Program Pengurangan Kemudaratan bagi pengguna dadah suntikan di Malaysia.

Setelah selesai sesi taklimat, para deligasi turut dibawa melawat sekitar klinik tersebut bagi melihat sendiri aktiviti dan kemudahan fasiliti yang disediakan kepada klien. Deligasi tersebut juga berkongsi maklumat dengan kajian yang jalankan melalui suntikan Vivitrol terhadap klien sebagai salah satu kaedah terapi dadah gantian. Lawatan deligasi tersebut diakhiri dengan penyampaian cenderahati di antara kedua-dua pihak. Diharapkan dengan kerjasama dan pengalaman daripada semua pihak, AADK akan terus menambahbaik perkhidmatan yang disediakan mengikut kehendak dan keperluan semasa.

Lawatan Ke Mini C&C 1 Malaysia Miri

Bertempat di Miri, Sarawak rombongan Lembaga Parol 1 Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya telah mengadakan Lawatan Ke Mini Cure & Care 1Malaysia Miri. Deligasi seramai 11 orang yang diketuai oleh En. Wong Teck Meng, Pengerusi Lembaga Parol 1Malaysia, KDN Putrajaya turut disertai oleh Ketua Inspektor Penjara Andrew Anak Bakong, Pejabat Parol Miri.

Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh En. Zamnee bin Ismail Ketua Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Miri dan taklimat secara ringkas berhubung Mini C&C 1Malaysia Miri yang disampaikan oleh En. Mazlan bin Jikran. Selain daripada itu deligasi tersebut juga berpeluang mendengar sendiri perkongsian pengalaman daripada dua(2) orang klien mengenai perkhidmatan dan keberkesanan program secara sukarela ini. Setelah itu ahli rombongan itu dibawa melawat bagi melihat sendiri fasiliti dan kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh AADK.

Deligasi rombongan berharap pihak Mini C&C 1Malaysia Miri dapat bekerjasama dengan Pejabat Parol dalam program kepulihan ODP (Orang Di Parol) yang mempunyai sejarah penagihan setelah diberi peluang menjalani parol dalam komuniti. Sehingga kini, seramai empat (4) orang ODP telah dirujuk ke Mini C&C 1M Miri untuk menerima rawatan sebagai outpatient. Program diakhiri dengan majlis penyampaian cenderahati dan sedikit jamuan.

Raja Lawak AADK 2012

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sekali lagi telah melakar sejarah baru dengan mengadakan pertandingan Raja Lawak AADK Peringkat Kebangsaan 2012 baru-baru ini. Pertandingan yang berlangsung di Mini Auditorium Kompleks KDN Kuala Lumpur itu telah melibatkan sebanyak 16 penyertaan terdiri daripada peserta solo dan berkumpulan. Untuk makluman peserta-peserta ini dipilih mewakili zon masing-masing selepas melepasi pertandingan di peringkat zon.

Bagi memeriahkan lagi pertandingan ini kumpulan Cuit daripada pertandingan Raja Lawak Astro telah dijemput sebagai pengacara majlis dan peserta telah diadili oleh kumpulan lawak XN3 dan pelakon Raja Azree. Pertandingan tersebut turut dihadiri YBhg. Puan Sri Dato' Zuraidah Haji Mohamed Ketua Pengarah AADK, En Suhaimi bin Abdullah Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), pengarah-pengarah bahagian, pengarah-pengarah setiap PTJ dan pegawai-pegawai dan kakitangan AADK seluruh Malaysia.

Sementara menunggu keputusan pertandingan penonton yang hadir disajikan dengan persembahan daripada kumpulan XN3 dan kumpulan Cuit bagi mengurangkan tekanan kepada peserta. Peserta dari CCRS Besut Mohd Ariff bin Md Esa telah dinobatkan sebagai Raja Lawak AADK 2012, manakala tempat kedua Izzuandy bin Ibrahim dari CCRC Kuching dan kumpulan J Bong Ang daripada CCRC Benta telah merangkul tempat ketiga. Acara penyampaian hadiah sebagai acara penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Puan Sri Dato' Zuraidah Haji Mohamed.

Pertarungan Bermula

Seperti tahun-tahun yang lalu, Sukan Antara Rumah Ibu Pejabat Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) kembali lagi. Pada tahun ini, pasukan yang bertanding dinamakan sempena nama-nama burung iaitu Kenari (Kuning), Jentayu (Hijau), Helang (Biru) dan Rajawali (Merah).

Majlis perasmian tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Puan Sri Dato' Zuraidah Haji Mohamed, Ketua Pengarah AADK merangkap Yang Di-Pertua Kelab Kebajikan dan Sukan AADK. Majlis telah diadakan di Dewan Jasmin, Ibu Pejabat AADK. Turut hadir pada acara perasmian tersebut adalah En. Suhaimi Abdullah, Timbalan Yang Di-Pertua (1) Kelab Kebajikan dan Sukan AADK. Dalam ucapan perasmiannya,YBhg. Puan Sri Dato' Zuraidah berharap dengan penganjuran acara seperti ini, AADK Ibu Pejabat akan dapat mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang sukan selain melahirkan warga kerja yang sihat dan cergas.

Sejurus merasmikan acara, YBhg. Puan Sri Dato' Yang Di-Pertua menyerahkan bendera kontijen kepada ketua kontijen di samping beliau turut diperkenalkan kepada ahli kontijen masing-masing. Sebagai tanda bermulanya acara, YBhg. Puan Sri Dato' Zuraidah telah diberikan penghormatan memulakan acara perlawanan dart, catur, congkak dan ping-pong yang berlangsung pada petang yang sama.

We 'r' 1Family

Dalam memastikan warga kerja Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sentiasa bersemangat melaksanakan tugasan harian dalam usaha membasmi masalah penagihan dadah dalam negara, satu program Hari Keluarga peringkat AADK Ibu Pejabat dengan bertemakan We 'R' 1Family telah diadakan pada 14 dan 15 April 2012 di A'Famosa Resort, Melaka. Antara lain, program ini diadakan bagi memberi ruang serta peluang kepada warga kerja AADK Ibu Pejabat untuk berehat disamping meluangkan masa berharga bersama-sama dengan keluarga tercinta.

Pelbagai acara telah diadakan sepanjang 2 hari 1 malam berkampung di sana seperti pertandingan Tresure Hunt yang bermula dari perkarangan Ibu Pejabat AADK hingga ke A'Famosa Resort. Selain itu sejurus selepas pendaftaran kehadiran warga AADK dan ahli keluarga masing-masing di A'Famosa Resort, acara yang dikhususkan untuk kanak-kanak iaitu pertandingan pakaian beragam serta pertandingan mewarna telah mengambil tempat dalam aturcara selanjutnya program berkenaan. Pelbagai teletah anak-anak yang sangat mencuit hati dapat disaksikan sepanjang berlangsungnya acara tersebut.

Pada sebelah malamnya, hidangan yang lazat serta pelbagai persembahan menarik disediakan dalam Majlis Makan Malam yang diadakan di Cowboy Town. Sambil menikmati hidangan makan malam, tetamu yang hadir disajikan dengan pelbagai persembahan yang menarik. Acara kemuncak pada malam tersebut adalah penyampaian anugerah olahragawan dan olahragawati Sukan Antara Rumah AADK tahun 2012 serta cabutan bertuah perdana yang telah disempurnakan oleh YBhg. Puan Sri Dato' Zuraidah Haji Mohamed, Ketua Pengarah AADK merangkap Yang Dipertua Kelab Kebajikan dan Sukan AADK.

Pada hari kedua, aturcara program diteruskan dengan acara senamrobik di persekitaran Water World A'Famosa Resort sebelum bermulanya acara sukaneka. Seluruh warga kerja dan ahli keluarga masing-masing yang menyertai program pada tahun ini merasai keseronokan apabila pelbagai permainan disediakan dalam acara sukaneka tersebut.

Sebelum berangkat pulang, semua peserta telah diberi peluang untuk berehat serta bersantai bersama keluarga masing-masing di sekitar Water World A'Famosa Resort.

Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan

Sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan tahun ini bertemakan "Persefahaman Asas Perpaduan Ummah" telah diadakan di Dewan Solat Utama, Masjid Putra, pada 5 Februari yang lalu.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, dan turut berangkat hadir Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah. Turut hadir sama dalam majlis tersebut ialah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Sebagaimana tahun-tahun yang lalu, AADK Ibu Pejabat tidak melepaskan peluang menyertai kontijen perarakan yang bermula dari Istana Kehakiman Putrajaya dan berakhir di Dataran Putra Putrajaya. Hampir 30 orang pegawai dan kakitangan AADK bersemangat melaungkan selawat ke atas Junjungan Mulia Nabi Muhammad S.A.W. Acara kemuncak majlis pada pagi itu di teruskan dengan upacara pengurniaan Anugerah Perdana Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1433H kepada Mufti Negeri Pulau Pinang dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Sahibus Samahah Datuk Seri Hassan Ahmad.

KLINIK CURE & CARE 1MALAYSIA & MINI KLINIK C&C 1MALAYSIA

KLINIK C&C 1MALAYSIA BUKIT MERTAJAM
Jalan Kampung Baru,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang
Tel : 04-5304923/ 5376675
Fax : 04-539 4835

KLINIK C&C 1MALAYSIA JERANTUT
KM 4, Jalan Benta,
27000 Jerantut, Pahang
Tel : 09-266 5442 / 5443 / 6525 / 5399
Faks: 09-266 6106

MINI KLINIK C&C 1MALAYSIA BESUT
JKR 177,Pantai Air Tawar
22000 Besut, Terengganu
Tel : 09-695 5010
Faks: 09-695 5011

KLINIK C&C 1MALAYSIA SUNGAI BESI
Batu 7,Jalan Sungai Besi,
57100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-9056 2997/ 9056 2945/ 9057 2960,
Faks :03- 9058 7525

KLINIK C&C 1 MALAYSIA KOTA BHARU
Jalan Padang Tembak,
16100 Pengkalan Chepa,
Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-7717350/ 7717357
Faks: 09-749816

MINI KLINIK C&C 1MALAYSIA KINTA
No.67 , Jalan Wan Mohammad off
Jalan Raja Dihilir, 34050 Ipoh, Perak
Tel : 05-253 4896
Faks: 05-243 6158

KLINIK C&C 1 MALAYSIA TAMPIN
73000 Tampin Pos,
Pulau Sebang, Melaka
Tel: 06-4411922
Faks: 06-4417858

KLINIK C&C 1MALAYSIA KUCHING
Km 10, Jalan Penrissen,
93250 Kuching,
Sarawak.
Tel : 082-613598
Faks : 082-612785

MINI KLINIK C&C 1MALAYSIA MIRI
Lot 1209, Jalan Krokop Utama,
98000 Miri, Sarawak
Tel : 085-420068
Faks: 085-420064

KLINIK C&C 1MALAYSIA TAMPOI
81200 Johor Bharu,
Tel:07-236 1711
Fax:07-237 1799

KLINIK C&C 1MALAYSIA PAPAR
Beg Berkunci No. 7,
Batu 30,
Jalan Papar, Beaufort,
89609 Papar, Sabah.
Tel : 088-912893/ 912487
Faks :088-915786

MINI KLINIK C&C 1MALAYSIA KENINGAU
Jalan Rumah Kerajaan 1, JKR No. 1368
89008, Keningau, Sabah
Tel : 087-336887
Faks: 087-336889

KLINIK C&C 1MALAYSIA KARANGAN
Simpang Tiga Kem,
09700 Karangan, Kedah
Tel: 04-4056014
Faks: 04-4056309

CURE & CARE SERVICE CENTRE

CCSC KANGAR
Lot 2374, Persiaran Jubli Emas
Simpang Tiga
01000 Kangar
Perlis
Tel : 04-9770268
Faks : 04-9770268

CCSC KG.SELAMAT
Jln Kg Baru, Kg Selamat
13300 Tasek Gelugor
Seberang Perai Utara
Pulau Pinang
Tel : 04-5701100
Faks : 04-5701105

CCSC BALIK PULAU
Jalan Sungai Pinang
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang
Tel : 04-8691805
Fax : 04-8691801

CCSC GEORGETOWN
No. 2 Lorong Madras
10400 Georgetown
Pulau Pinang
Tel : 04-210 2520
Faks :

CCSC TELUK BAHANG
Jalan balai Polis
11050 Teluk Bahang
Pulau Pinang
Tel : 04-8811444

CCSC BATU GAJAH (PERAK TENGAH)
No 509, Jalan Kelab
31000 Batu Gajah
Perak
Tel : 05-3665104
Faks : 05-3657033

CCSC KAMPAR
JKR 204,
Jalan Besar Kampar,
39100 Kampar, Perak
Telefon : 05-2436157
Faks : 05-2436158

CCSC IPOH
No 79A, Jln Dato' Onn
30000 Ipoh, Perak
Telefon/ Fax : 05-2412242

CCSC DANG WANGI
Lot 2329,Lorong Perdana 1A
Kompleks Kerajaan Bukit Perdana
Jalan Dato Onn
50546 Kuala Lumpur
Tel : 03-26927549
Faks : 03-26980475

CCSC CHOW KIT
No 24 A&B, Lorong Hj Taib 3
30350 Kuala Lumpur
Emel : ccsc.chowkit@gmail.com
Tel : 03-4041 0467
Faks : 03-4041 0634

CCSC SENTUL
M-0-1 Blok M, Perumahan Awan Desa Rajang,
Persiaran Rajang, Setapak Jaya,
53300 Kuala Lumpur

CCSC SAN PENG
Blok 07-00-13, 14 & 16,
Flat Sri Selangor, Jalan San Peng,
55200 Kuala Lumpur

CCSC KG. KERINCHI
No. 29-1, 29 -2,
Jalan Pantai Murni 6,
Pantai Dalam ,
59200 Kuala Lumpur.
Tel : 03 - 2241 1934
Faks : 03- 2240 1887

CCSC MALURI
No. 192 ABC, Jalan Mahkota,
Taman Maluri, 55100 Cheras, Kuala Lumpur
Tel : 03-9283 4601
Faks : 03-9284 3652

CCSC HULU SELANGOR
JKR 228, Jalan Syed Manshor
44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor
Tel : 03-60642435
Faks : 09-60645496

CCSC AMPANG
No 9A, Jalan Wawasan 4/6
Bandar Baru Ampang
68000 Ampang, Selangor
Tel : 03- 4270 1393
Fax : 03- 4270 1385

CCSC GOMBAK
No. 9G, Bangunan Plaza UMNO,
Jalan Batu Caves,
68100 Batu Caves, Selangor
Tel : 03- 6185 7651
Fax : 03- 6185 7648

CCSC PETALING
No. 6, Jalan 21/1 Seapark
46300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 012-202 9564
Fax :

CCSC HULU LANGAT
No 1/1B & 1/1F
Jalan Hentian 1B,
Jalang Reko 43000,
Kajang Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03- 87337516

CCSC SEREMBAN
630, Jalan Dato' Kelana Makmur
70200 Seremban, N.Seremban
Tel : 06-7635986
Faks : 06-7673921

CCSC PORT DICKSON
Batu 12, Kg Teluk Pelanduk
71050 Si Rusa
Port Dickson, N. Sembilan
Tel : 06-6625811
Fax : 06-6625816

CCSC KUALA PILAH
No 14, Jalan Bukit
72000 Kuala Pilah
N.Sembilan
Tel : 06-6625811
Faks : 06-6625816

CCSC JEMPOL
Bt 38, Kg Serting Tengah
72200 Batu Kikir, N.Sembilan
Tel : 06-4982430
Faks : 06-4982431

CCSC TAMPIN
73000 Pulau Sebang
Tampin, N.Sembilan
Tel : 06-4415803
Faks : 06-4415808

CCSC MUAR
JKR 209, Jalan Timbalan
84000 Muar, Johor
TEL : 06-9535062
FAX : 06-9555061

CCSC SEGAMAT
PKR 5, Jalan Awang
85000 Segamat, Johor
Tel : 07-9324082
Fax : 07-9314103

CCSC BATU PAHAT
Aras 2, Bangunan Gunasama Persekutuan
Jalan Bakau Condong
83000 Batu Pahat, Johor
Tel : 07-4325316
Faks : 07-4339214

CCSC KOTA TINGGI
JKR 115, Jln Omar
89100 Kota Tinggi
Johor
Tel : 07-8835877
Faks : 07-8835866

CCSC PONTIAN
Lorong Surau
Kg Rimba Terjun
82000 Pontian, Johor
Tel : 07-6870000
Faks : 07-6882695

CCSC JOHOR BAHRU
Jalan Taruka
80350 Larkin
Johor Bahru, Johor
Tel : 07-2381295
Faks : 07-2341003

CCSC SEMBRONG
No. 9, Jln Lingkaran 5
Taman Sri Lambak
86000 Kluang, Johor
Tel : 07-772 0879
Faks : 07-772 0881

CCSC KUANTAN
JKR 421, Jln Gambut
25000 Kuantan, Pahang
Tel : 09-5130821
Fax : 09-5735641

CCSC JENGKA
D/A Balai Raya Lama,
Sri Dahlia Jengka 3,
26400 Bandar Tun Abd Razak
Pahang Darul Makmur
Tel : 09-4774052/53 (AADK Maran)
Fax : 09-4773706 (AADK Maran)

CCSC KUALA TERENGGANU
Tgkt 1, Bangunan UMNO
Kuala Terengganu
Jalan Gong Kapas
20200 Kuala Terengganu
Terengganu
Telefon : 09-6301280
Faks : 09-6301282

CCSC HULU TERENGGANU
No 2, Taman che Ngah
21820 Ajil Hulu Terengganu
Terangganu
Tel : 09-6862949
Faks : 09-6862166

CCSC KUCHING
Lot 123, Jalan Tan Sri Ong Kee Hui
Peti Surat 2347
93300 Kuching, Sarawak
Tel : 082-426415
Faks : 082-427102

CCSC SANDAKAN
Lorong Bandar Labuk Jaya C5,
Lot 1 & 2, Block C2,
Bt7, Bandar Labuk Jaya
90000 Sandakan, Sabah
Tel : 089-215236
Faks : 089-212336

CCSC ALOR GAJAH
Lot 1689 & 1690,
Taman Melaka Perdana 1
78000 Alor Gajah, Melaka
Tel : 06-556 1235
Faks : 06-556 1235

Kami Prihatin
Kami Sedia Membantu

KLINIK Cure&Care 1MALAYSIA
Kami Prihatin, Kami Sedia Membantu

Pusat Khidmat Cure & Care
CCSC
Cure&Care Service Centre
Agensi Antidadah Kebangsaan
Kementerian Dalam Negeri

CARING COMMUNITY HOUSE

SKUAD 1Malaysia

facebook.com/SKUAD 1Malaysia

facebook.com/Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia

@AADK Malaysia

SMS 15888

Agensi Antidadah Kebangsaan
National Anti-Drugs Agency
Kementerian Dalam Negeri, Jalan Maktab Perguruan Islam
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-8911.2200 Fax : 03-8926.2055
Email : webmaster@adk.gov.my
Website : www.adk.gov.my